

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 APRIL 2015

Mahathir tidak wajar minta PM letak jawatan

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 APRIL

TIMBALAN Presiden Partl Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili menyifatkan Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang dihormati berdasarkan sumbangannya kepada negar|.

Walau bagaimanapun, kata beliau, bekas Perdana Menteri itu perlu 'mencermin diri' terlebih dahulu sebelum meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk meletakkan jawatan.

"Mungkin Dr. Mahathir telah lupa ketika beliau menjadi Perdana Menteri, rakyat juga telah banyak kali meminta beliau untuk meletak jawatan tetapi beliau enggan," katanya seperti dipetik menerusi portal berita, *The Star Online* hari ini.

Mengulas lanjut, Maximus berkata, PBS antara parti yang telah meminta Dr. Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri 20 tahun dahulu kerana parti berkenaan pernah menyalahkan beliau



Mungkin Dr. Mahathir telah lupa ketika beliau menjadi Perdana Menteri, rakyat juga telah banyak kali meminta beliau untuk meletak jawatan tetapi beliau enggan."

DR. MAXIMUS ONGKILI
Timbalan Presiden
Parti Bersatu Sabah

atas tindakannya membenarkan pendatang haram mendapatkan kewarganegaraan di Sabah.

"Dr. Mahathir mengabaikan dakwaan kami itu, namun pada hari ini beliau mengakui berlaku perkara sedemikian yang dikenali sebagai Projek IC dan menyatakan tidak ada yang salah dalam memberi kerakyatan kepada pendatang asing untuk berada di Sabah dalam jang-

ka masa yang panjang termasuk mempunyai saudara-mara di sini.

"Dengan kebenaran beliau (Dr. Mahathir), Projek IC benar-benar wujud untuk memberikan kerakyatan kepada pendatang asing dengan mengabaikan peraturan dan undang-undang mengenai kelacyikan kewarganegaraan," katanya yang juga Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.